

SIKAP GURU TERHADAP PENYELIAAN PENGAJARAN YANG DIJALANKAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN, ZON BANGSAR, KUALA LUMPUR

*Vijayaamalar Gunarasa & Suhaida Abdul Kadir
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

Abstrak

Kepentingan penyeliaan pengajaran kepada guru-guru di semua sekolah menengah dan rendah di Malaysia adalah untuk membantu meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di dalam kelas. Kajian ini melibatkan 250 orang guru di tujuh buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Zon Bangsar, Kuala Lumpur. Data kajian dikutip dengan menggunakan soal selidik. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini termasuklah sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran dijalankan di dalam bilik darjah yang diubah suai dari Mohd Ruzi Shafie (2001). Dapatan kajian menunjukkan sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di dalam bilik darjah adalah sederhana positif (Min = 3.32, S.P = .56). Kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor demografi iaitu jantina dan etnik.

Kata kunci : Sikap; Penyeliaan Pengajaran

Pengenalan

Berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 aliran ke - 4 iaitu untuk mengubah profesion guru ke suatu profesion pilihan menunjukkan bahawa pencapaian pelajar adalah berkaitan dengan kualiti guru sekolah. Oleh itu, profesion guru haruslah diubah ke suatu profesion pilihan. Melalui kajian yang dijalankan oleh KPM pada tahun 2011 bagi melihat kesan pengajaran di dalam bilik darjah, dilihat cuma 50 peratus daripada pengajaran yang dijalankan adalah berkesan. Ini menunjukkan pelbagai faktor menyebabkannya seperti kurangnya penglibatan pelajar, pengajaran sekadar penyampaian kandungan sahaja dan banyak lagi. Perkara-perkara di atas amat membimbangkan kerana berdasarkan statistik, ia menunjukkan pendidik yang akan mendidik pelajar-pelajar dalam masa 20 tahun yang akan datang terdiri daripada 60 peratus guru-guru yang masih mengajar pada hari ini (PPPM, September 2012).

Penyeliaan didapati selain membantu untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran, ianya juga dilihat sebagai satu proses untuk memastikan kurikulum yang formal dapat dilaksanakan di dalam kelas. Lebih penting lagi motivasi guru perlu ditingkatkan dengan proses penyeliaan dengan maklum balas yang membina dari guru. Tidak dapat dinafikan juga bahawa proses penyeliaan juga membantu pengetua sekolah untuk menilai kompetensi guru dari segi kemahiran, pengetahuan guru dan sikap (Gurnam. dan Chan 2010).

Yamina Bouchamma (2006) menyatakan maksud penyeliaan, sebagaimana ia difahami oleh pengetua, sering berbeza dan tidak menentu, dan kesusasteraan menunjukkan kepercayaan pengetua dalam keberkesanan mereka dalam penyeliaan pengajaran boleh berubah menjadi salah satu faktor yang kuat untuk melihat prestasi guru. Pada pandangan Glickman, Gordon dan Ross-Gordon (2004) guru sebagai seorang profesional mempunyai tahap perkembangan yang berbeza dan keperluan pendekatan yang berbeza dan ianya akan menimbulkan permasalahan kepada pengetua sebagai penyelia di sekolahnya untuk melaksanakan penyeliaan. Oleh itu, untuk meningkatkan kemahiran guru, seseorang guru harus dinilai secara betul, adil dan sistematik untuk mencapai kelengkapan.

Semua guru harus mempunyai tanggapan yang baik terhadap proses penyeliaan yang dijalankan ke atas diri mereka. Manakala Glickman (1995) menyatakan perubahan sikap seseorang guru dapat dilihat melalui penyeliaan yang wujud berserta dengan keyakinan diri dan untuk mewujudkan atmosfera sekolah yang efektif maka keyakinan diri seseorang guru dapat dipertingkatkan (Tanner dan Tanner, 1987). Pengetua iaitu penyelia di sekolah harus melihat pendekatan yang dapat membantu untuk menilai guru dan pada masa yang sama dapat mengelakkan daripada kewujudan sebarang halangan secara psikologi untuk perkembangan sendiri guru (Zepeda, 2007). Untuk meningkatkan keberkesanan profesional tenaga pengajar, penyelia mestilah mahir dalam bidang-bidang berikut: (a) apa untuk menilai, (b) bagaimana untuk memerhati dan menganalisis maklumat dari pemerhatian di dalam bilik darjah data lain, dan (c)

bagaimana untuk menterjemahkan hasil pemerhatian dan ringkasan data ke maklum balas yang bermakna untuk membimbing dan menggalakkan guru-guru untuk meningkatkan arahan. Ia juga menunjukkan bahawa “penyeliaan pengajaran mesti dibina atas pemahaman pemerhatian yang teliti dan pengetahuan yang mendalam akan teori pengajaran, bukan mengikut senarai semak yang patut ada dalam pengajaran (Fisher, 2001).

Menurut Thobega dan Miller (2007) mendapati bahawa guru lebih menyukai penyelia yang secara tidak langsung lebih dari kerjasama, arahan yang bermaklumat, dan arahan penyeliaan yang membangunkan. Menurut Glickman, Gordon dan Ross-Gordon (2001), penyeliaan terhadap guru-guru yang mengajar akan menjadi sama, mengikut pandangan yang berbeza, untuk pengajaran. Dalam kedua-dua situasi, ia adalah tentang peningkatan tingkah laku, sikap, dan prestasi.

Sorotan Literatur

Terdapat beberapa model dan teori yang boleh dikaitkan dengan sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di dalam kelas. Menurut Hussin (1997) terdapat tiga jenis teori penyeliaan yang boleh dipraktikkan iaitu seperti teori penyeliaan tradisional, teori hubungan manusia dan juga teori penyeliaan saintifik moden. Ianya adalah seperti Teori Penyeliaan Tradisional oleh (Frederick Taylor, 1900-an). Penyeliaan dilihat secara keseluruhan terhadap tugas seseorang guru dan teori ini memberi penekanan terhadapnya, terutamanya untuk melihat kesan pengajaran guru. Penyeliaan ini memberi penjelasan bahawa harus wujud jarak dan ruang yang jelas di antara penyelia dan guru di bawahnya dan berdasarkan teori ini guru harus dikawal dengan teliti dan rapi. Maka, tujuan utama penyeliaan menurut teori ini adalah untuk memastikan guru yang diselia mencapai matlamat pengajarannya dan ini akan meningkatkan prestasi dan mutu pengajaran mereka.

Teori Penyeliaan Hubungan Manusia oleh (Elton Mayo, 1930 – 1950). Teori penyeliaan hubungan manusia ini juga boleh dikenali sebagai teori humanistik. Oleh itu, Mayo mempercayai bahawa hubungan yang sihat dan positif di tempat kerja boleh meningkatkan produktiviti kerja di sesebuah organisasi. Oleh itu, teori ini sangat mementingkan hubungan yang baik di antara pengetua iaitu sebagai penyelia dan guru yang diseliana. Apabila timbul perasaan sebegini maka, kepuasan kerja dan komitmen yang tinggi dapat dilihat wujud di dalam diri seseorang guru. Penglibatan guru di dalam proses membuat keputusan, kesempatan untuk berhubung sesama mereka dan diperlakukan dengan sopan dapat dilihat. Sebagai seorang yang profesional guru akan diberi kepercayaan dari segi melibatkan diri dan menghadiri sebarang kursus yang melibatkan jangka masa yang panjang dan sangat penting boleh dilihat. Hubungan seperti ini akan dapat meningkatkan semangat dan motivasi seseorang guru.

Teori Penyeliaan Saintifik Moden oleh (Sergiovanni dan Starratt, 2002) menyatakan bahawa peningkatan pengajaran guru, kecemerlangan di dalam pengajaran dan perhatian yang khusus terhadap keterampilan adalah fokus utama teori penyeliaan saintifik moden ini. Penggalakan diberikan dari segi memikir secara kreatif dan kritis, pengiktirafan dari segi kepuasan dan komitmen, pujian dan motivasi dapat diwujudkan memandangkan ianya adalah kriteria atau implikasi teori ini. Ianya juga melibatkan komunikasi yang sihat atau dua hala wujud dan peningkatan dari segi daya usaha. Untuk melahirkan guru yang cemerlang, bersemangat tinggi, serta iltizam dapat dibentuk kerana teori ini bersifat untuk memberi bantuan dan dorongan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berpengetahuan berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penyeliaan ini kurang fokus terhadap peribadi seseorang tetapi lebih fokus terhadap memberi penyeliaan yang baik, berakauntabiliti serta kebijaksanaan di dalam membuat penyeliaan.

Teori penyeliaan saintifik dan teori penyeliaan hubungan manusia digabungkan dan ini digunakan oleh sekolah-sekolah di Malaysia untuk menjalankan penyeliaan atau pencerapan (Hussin, 1997). Penyeliaan atau pencerapan yang dijalankan di sekolah adalah untuk memastikan bahawa matlamat pendidikan negara berserta Falsafah Pendidikan Kebangsaan tercapai, di samping itu untuk memastikan wujud satu hubungan yang baik di antara penyelia dan guru-guru yang dicerap. Maka kedua-dua teori ini sangat penting untuk membantu penyelia supaya bersifat lebih profesional, membimbing dan memberi dorongan untuk melahirkan guru yang bersemangat

tinggi dalam tugas dan mewujudkan pelajar yang dapat meningkatkan prestasi mereka dalam pembelajaran.

Keputusan yang dibuat oleh orang atasan yang berdasarkan kuasa luaran adalah faktor penting di dalam penyeliaan saintifik moden. Berdasarkan teori pengurusan manusia oleh Douglas McGregor (1960) guru tidak harus dimanipulasikan padahal sebagai pengurus sekolah seseorang penyelia harus juga memberikan tumpuan mereka terhadap keperluan dan kepuasan manusia serta pengurusan sumber manusia. Menurut teori Y McGregor (1960), guru adalah seorang individu yang sangat proaktif di mana mereka ada potensi diri untuk memperkembangkan diri mereka dan meningkatkan pengetahuan dan berfikir secara kreatif. Di dalam proses penyeliaan pengajaran implikasi teori ini sangatlah membantu di dalam proses penyeliaan kerana ianya membantu guru untuk mencapai Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat sekolah. Pendekatan oleh teori Y ini harus sentiasa disokong oleh pentadbir sekolah terutamanya pengetua kerana ianya dapat membantu meningkatkan stail kepimpinan pengetua untuk memberi galakan dalam proses pengajaran guru supaya lebih berkesan. Dari konteks pendidikan, penyeliaan adalah bertujuan untuk melihat perkembangan psikologi dan peningkatan profesionalisme guru di dalam menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Kebanyakan guru mempunyai kepercayaan bahawa soal pengajaran di dalam kelas adalah hak mereka ataupun kepakaran mereka dan tahap kecekapan mereka di dalam bilik darjah tidak boleh dinilai oleh pengetua (Boardman et al., 1953). Manakala kajian yang dijalankan oleh (Nazaruddin et al., 1992), menunjukkan bahawa 80% daripada guru-guru mempunyai pendapat yang penyeliaan pengajaran tidak patut dijalankan terhadap mereka di dalam bilik darjah. Ada juga segelintir daripada guru-guru yang berpendapat atau bersetuju bahawa pengetua harus lebih memberi fokus kepada tugas sebagai pengurus sekolah berbanding sebagai penyelia. Ini adalah kerana guru-guru tersebut berpendapat bahawa pengajaran di dalam kelas adalah hak mereka dan tidak suka apabila pengajaran mereka diperhatikan dan mendapat perhatian pengetua. Menurut Ramaiah (1999) sistem penyeliaan yang sedia ada dipersoalkan oleh guru dan begitu juga dengan metodologinya dan pengetua iaitu sebagai penyelia diragui kepakaran mereka.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Sharifah dan Azizah (1989) mengenai sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran mendapat hasil kajian dengan peratusan sebanyak 56 peratus guru-guru yang dikaji oleh mereka bersikap positif terhadap penyeliaan pengajaran dan 44 peratus lagi tidak bersetuju dengan penyeliaan pengajaran. Menurut mereka punca wujudnya pendapat yang berbeza ini jelas kelihatan daripada peratusan di dalam kajian mereka dan ini menjelaskan bahawa ianya berpunca daripada pandangan guru yang mempunyai perasaan yang berbeza terhadapnya. Mereka menyatakan bahawa guru-guru yang mempunyai pandangan yang positif terhadap penyeliaan pengajaran bersetuju apabila pencerapan dilakukan, serta tujuan dan matlamat sebenar penyeliaan. Selain itu, mereka mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap penyelia, berasa tidak risau atau terancam di samping tidak ada perasaan kehilangan autonomi dan menganggap penyeliaan dapat meningkatkan mutu pengajaran mereka sebagai guru.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Aminuddin (2005) bahawa penyeliaan pengajaran dapat membantu seseorang pengetua untuk melihat peningkatan guru di dalam pengajaran mereka. Kenyataan ini disokong oleh Alimuddin (2006) yang juga mempunyai pandangan yang sama terhadap penyeliaan pengajaran. Menurutnya prestasi pembelajaran pelajar akan meningkat dengan wujudnya penyeliaan pengajaran di dalam bilik darjah. Walaupun terdapat pelbagai kajian yang bersetuju dengan pandangan pengkaji-pengkaji diatas namun begitu menurut kajian yang dilakukan oleh Subaidah (2001) ada menjelaskan bahawa penyeliaan pengajaran tidak wajar atau tidak patut dilakukan berdasarkan kajian yang diberikan kepada guru-guru sekolah menengah dan rendah yang terlibat di dalam kajian mereka. Sesetengah hasil kajian mendapat penentangan yang hebat daripada pengkaji seperti Hamdan & Nurlia (2011) yang berjaya menjelaskan melalui kajian mereka bahawa tanggapan guru terhadap penyeliaan pengajaran kini lebih positif kerana guru-guru jelas akan kepentingan dan matlamat sebenar penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan terhadap mereka di dalam kelas.

Kenyataan di atas disokong secara penuh oleh hasil kajian yang dilakukan oleh Nazaruddin (1992) yang berpendapat bahawa penyeliaan pengajaran dapat melancarkan tugas pengajaran guru disamping itu membantu mereka untuk mengajar dengan lebih efektif. Kepimpinan pengajaran yang cemerlang oleh pengetua dapat melihat keperluan guru

dilaksanakan oleh pengetua yang memegang peranan tersebut. Kenyataan di atas tidak begitu dipersetujui oleh Ramaiah (1999) bahawa terdapat segelintir guru-guru yang masih berasa ragu-ragu akan kemahiran serta kepakaran penyelia atau wakilnya yang membuat penyeliaan pengajaran terhadap mereka. Oleh disebabkan itu, kita boleh melihat guru yang mempunyai pandangan yang negatif terhadap penyeliaan pengajaran masih wujud.

Terdapat juga segelintir pengetua yang jarang melakukan penyeliaan terhadap pengajaran guru. Ini adalah kerana penyelia-penyelia tersebut lebih fokus terhadap alat bantuan mengajar yang digunakan oleh guru di dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) mereka. Perkara di atas menyebabkan peningkatan profesionalisme guru akan terbantut memandangkan aktiviti penyeliaan yang dijalankan kurang berjaya dari yang sepatutnya. Oleh disebabkan itu, penyeliaan pengajaran harus memberi keutamaan terhadap kesan pengajaran guru, profesionalisme guru harus dipertingkatkan dan kursus yang berkaitan untuk memberi guru pengajaran di dalam mengatasi kelemahan dan kekurangan mereka ketika penyeliaan pengajaran harus dijalankan (Hashim, 2000).

Menurut Abdul Shukor (1998), telah timbul konflik di antara guru dan penyelia iaitu pengetua di sesetengah sekolah, walaupun pada dasarnya penyeliaan bertujuan untuk membantu guru dalam meningkatkan profesionalisme mereka. Ini adalah kerana di dalam kajian mereka didapati bahawa tugas penyeliaan telah menambahkan beban tugas kerja mereka sebagai pengetua manakala guru-guru berperasaan bahawa penyeliaan yang dijalankan cuma untuk mencari kelemahan dan kesilapan mereka ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Di sini guru-guru melihat penyelia iaitu pengetua sebagai polis yang mencari kesilapan dan memberikan hukuman. Ini telah menyebabkan guru-guru tersebut bersikap negatif terhadap penyeliaan pengajaran dan berpendapat bahawa ianya tidak akan mendatangkan faedah atau meningkatkan mutu pengajaran mereka.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Mohd Hamsam (2002) terhadap penyeliaan pengajaran di 18 buah sekolah menengah yang melibatkan guru-guru yang mengajar Kemahiran Hidup iaitu seramai 150 orang guru mendapati hasil kajian menunjukkan bahawa 23.33 peratus daripada responden diselia oleh pengetua dan 76.67 peratus di selia oleh wakil pengetua iaitu seperti penolong kanan atau ketua bidang. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan penyeliaan di 18 buah sekolah itu kebanyakannya dijalankan oleh wakil pengetua berbanding dengan pengetua. Mereka akan cuma membuat penyeliaan jikalau guru tersebut harus diberi kenaikan pangkat. Perkara di atas menyebabkan guru-guru tidak mendapat bimbingan dan bantuan yang sepatutnya daripada pengetua dan mengakibatkan mereka mengalami masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Sullivan dan Glanz (2000) penyeliaan boleh dilihat sebagai pemantauan terhadap guru berbanding sebagai perbincangan. Perkara di atas dipersetujui oleh Muaz Abd Karim (2002) bahawa ramai guru masih mempunyai keraguan terhadap penyeliaan pengajaran dan ini menjelaskan ketidakpercayaan mereka terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di dalam bilik darjah. Penyeliaan pengajaran yang dilaksanakan haruslah berlandaskan kepada "Surat Pekeliling Ikthisas Bil. 3/1987) dan tanggapan negatif terhadap penyeliaan pengajaran haruslah diperbetulkan. Menurut Chan dan Gurnam (2009) pengetua yang juga berperanan sebagai pengurus kurikulum di sekolah mereka haruslah melibatkan diri secara profesional dan secara aktif dalam penyeliaan pengajaran yang dijalankan. Oleh disebabkan itu, mereka mempunyai tiga tanggungjawab yang utama iaitu memupuk program pengajaran dan pembelajaran yang mantap dan meningkatkan budaya sekolah supaya lebih aman dan kondusif bagi melihat peningkatan pembelajaran pelajar, kedua mencemerlangkan organisasi di bawah mereka dan akhir sekali memajukan atau meningkatkan profesionalisme guru-guru di bawahnya supaya dapat melihat kecemerlangan.

Menurut Hamdan dan Nurlia (2011) pandangan yang negatif dan kurangnya kefahaman mengenai konsep dan cara proses penyeliaan pengajaran dijalankan menyebabkan penyeliaan pengajaran dianggap sebagai mencari kesilapan dan kelemahan guru. Ini akan menimbulkan keraguan dan peranan pengetua sebagai pemimpin pengajaran akan dipersoalkan. Selain itu, disebabkan tugas penyeliaan diberikan kepada guru penolong kanan dan ketua bidang dan sebagainya maka kekeliruan ini bertambah dan keraguan terhadap kemahiran dan kepakaran pengetua juga dipersoalkan. Ini menunjukkan bahawa konsep asal penyeliaan telah terkeluar dari konsep dan amalan penyeliaan yang sepatutnya diamalkan. Menurut Wilson et. al. (2005) untuk

merangsangkan pertumbuhan guru serta memberi dorongan dan sokongan yang penuh merupakan matlamat yang cukup mencabar untuk dilalui sebagai penyelia. Dorongan yang diberikan oleh pengetua akan menyebabkan wujud tindak balas yang baik dari guru untuk peningkatan pengajaran dan pembelajaran dan juga mewujudkan hubungan yang baik dengan penyelia. Ini juga menjelaskan daripada dapatan kajian yang dilakukan oleh Glanz (2007) bahawa jikalau seseorang penyelia tidak mahu bersikap terbuka dan menerima pandangan daripada guru-guru maka akan kelihatan guru-guru mempunyai kekeliruan dan tidak berminat dengannya. Menurut kajian yang dijalankan oleh Alma Harris (2003) pengetua sebagai seorang pemimpin pengajaran mempunyai tanggungjawab yang besar di dalam membuat penilaian dan melihat perkembangan guru. Mereka harus berfikiran jauh dan berakuantabiliti terhadap tanggungjawab mereka. Pengetua juga harus mempunyai pandangan yang luas dan positif terhadap proses penyeliaan pengajaran supaya guru-guru dapat menerimanya secara positif dan juga demi pengajaran yang lebih berkesan di dalam bilik darjah.

Objektif Kajian

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengetahui sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran dalam kalangan guru-guru Sekolah Menengah Zon Bangsar.

Objektif khusus kajian ini dijalankan adalah untuk :

- i) Menentukan sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di Sekolah Menengah.
- ii) Membandingkan sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor demografi iaitu jantina.
- iii) Membandingkan sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor demografi iaitu pengalaman mengajar.
- iv) Membandingkan sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor demografi iaitu bidang pengajaran.
- v) Membandingkan sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran berdasarkan faktor demografi iaitu etnik.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian tinjauan atau *survey* yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak. Responden yang telah mengisi maklumat secara sukarela dan sejumlah 250 orang guru-guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Bangsar, Kuala Lumpur telah dipilih untuk melaksanakan kajian ini. Borang soal selidik dalam kajian ini telah dibahagikan kepada bahagian A dan bahagian B. Bahagian A di dalam borang soal selidik mengandungi item berkaitan dengan faktor demografi yang bertujuan untuk mendapatkan latar belakang untuk subjek kajian. Soalan-soalan adalah terdiri daripada jantina, bangsa, bidang pengajaran, pengalaman mengajar dan kekerapan diselia dalam tempoh setahun. Para responden dikehendaki untuk menandakan (✓) pada ruangan yang disediakan.

Di dalam bahagian B ianya mengandungi item kajian yang berkaitan dengan sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan terhadap responden kajian atau ianya lebih diketahui sebagai pencerapan yang dijalankan oleh penyelia di dalam kelas dalam tempoh setahun dan berdasarkan “Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1987 yang merupakan arahan pelaksanaan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran oleh pengetua” terhadap semua guru dibawahnya. Jumlah soalan atau item di dalam bahagian B adalah 20 item.

Responden diminta untuk menandakan darjah persetujuan pada skala berbentuk likert. Setiap item menggunakan 5-mata Skala Likert, iaitu dalam bentuk; (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Kurang Setuju, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Penyusunan setiap item dalam bahagian ini menggunakan kombinasi item negatif dan positif, walau bagaimanapun semasa pengkodan dilakukan maka setiap item negatif akan dikod semula secara terbalik (reverse coded) iaitu seperti (1) Sangat Setuju, (2) Setuju, (3) Kurang Setuju, (4) Tidak Setuju dan (5) Sangat Tidak Setuju.

**Dapatan dan Perbincangan
Maklumat demografi**

Taburan kekerapan bilangan responden yang terlibat di dalam kajian ini berjumlah sebanyak 250 responden yang terdiri daripada 74 responden lelaki iaitu (29.6%) dan ini diikuti oleh 176 responden perempuan iaitu (70.4%). Bangsa responden, didapati analisis data menunjukkan 130 (52%) dari bilangan responden adalah berbangsa Melayu, ini diikuti oleh 78 (31.2%) adalah responden Cina, manakala bagi responden India adalah 42 (16.8%). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan responden kajian adalah berbangsa Melayu iaitu 130 (52%) dan jumlah responden yang sedikit adalah responden berbangsa India iaitu 42 (16.8%). Berdasarkan bidang pengajaran, didapati seramai 75 (30%) daripada guru-guru mengajar di dalam bidang Sains dan Matematik, ini diikuti oleh 74 (29.6%) mengajar di dalam bidang Bahasa, seterusnya bilangan responden yang mengajar Sivik dan Kemanusiaan adalah 70 (28%) dan akhir sekali bagi bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional didapati terdapat sebanyak 31 (12.4%) responden. Ini menunjukkan bilangan tertinggi sebanyak 75 (30%) di dalam bidang Sains dan Matematik. Selain itu, bidang Bahasa juga menunjukkan peratus yang lebih kurang sama iaitu 74 (29.6%). Bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional menunjukkan peratus yang paling rendah 31 (12.4%) sahaja.

Dari segi pengalaman mengajar, mendapati bilangan responden bagi guru-guru yang mengajar kurang dari 5 tahun ialah 56 (22.4%), seterusnya bagi guru-guru yang mengajar 5 hingga 10 tahun ialah 65 (26%), pengalaman 11 hingga 15 tahun ialah 41 (16.4%), 16 hingga 20 tahun ialah 41 (16.4%) dan akhir sekali lebih daripada 21 tahun pengalaman mengajar adalah 47 (18.8%). Analisis data di atas menunjukkan bahawa bilangan responden yang paling tinggi adalah dalam lingkungan 5 hingga 10 tahun iaitu 65 (26%). Manakala, bagi guru-guru yang mengajar 11 hingga 15 tahun ialah 41 (16.4%) dan 16 hingga 20 tahun menunjukkan 41 (16.4%) juga dan ini menunjukkan jumlah data yang sama.

Dari sudut kekerapan diselia dalam tempoh setahun, mendapati bilangan responden yang diselia 3 kali dalam setahun adalah sebanyak 34 (13.6%) responden, manakala bagi responden yang diselia 2 kali setahun adalah sebanyak 65 (26%), ini diikuti oleh bilangan responden yang diselia cuma 1 kali setahun adalah 151 (60.4%) dan akhir sekali bagi bilangan responden yang tidak pernah diselia adalah 0 (0%) dari bilangan responden.

Jadual 1-Maklumat Demografi Responden

		n	Frekuensi (%)
Jantina	Lelaki	74	29.6
	Perempuan	176	70.4
Bangsa	Melayu	130	52.0
	Cina	78	31.2
	India	42	16.8
Bidang Pengajaran	Sains & Matematik	75	30.0
	Bahasa	74	29.6
	Sivik & Kemanusiaan	70	28.0
	Pendidikan Teknik & Vokasional	31	12.4
Pengalaman Mengajar	Kurang 5 tahun	56	22.4
	6 hingga 10 tahun	65	26.0
	11 hingga 15 tahun	41	16.4
	16 hingga 20 tahun	41	16.4
	Lebih daripada 21 tahun	47	18.8

Kekerapan Diselia	3 Kali	34	13.6
	2 Kali	65	26.0
	1 Kali	151	60.4
	Tidak Pernah	0	0

Sikap Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran

Analisa data (Jadual 2) menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai sikap yang sederhana positif terhadap penyeliaan pengajaran iaitu dengan skor (min = 3.32) dan (S.P = .56) dan ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru-guru di Sekolah Menengah mempunyai persepsi atau sikap yang sederhana positif terhadap penyeliaan pengajaran. Ianya juga menggambarkan bahawa guru-guru bukannya tidak setuju akan pelaksanaan penyeliaan pengajaran atau sangat bersetuju supaya penyeliaan pengajaran diadakan. Ini menunjukkan guru-guru boleh menerima pelaksanaan penyeliaan pengajaran yang dijalankan terhadap mereka di dalam bilik darjah.

Dapatan kajian (Jadual 3) dengan min yang paling tinggi di dalam soal selidik menunjukkan bahawa cadangan yang diberikan oleh penyelia mengenai penyeliaan pengajaran membantu untuk meningkatkan mutu pengajaran guru dan nilai skor (min = 3.80), (S.P = .95). Ini menunjukkan guru-guru berpendapat bahawa mereka yang sentiasa diberi galakan dan nasihat oleh penyelia akan dapat meningkatkan kaedah dan cara pengajaran mereka. Manakala item yang mendapat skor min yang paling rendah menjelaskan bahawa guru yang baru mengajar perlu kerap diselia berbanding dengan guru yang telah lama mengajar menunjukkan skor min = 2.50, (S.P = 1.14) dan ini menunjukkan bahawa guru-guru berpendapat bahawa ianya tidak adil untuk membuat penyeliaan yang kerap terhadap guru yang baru dalam profesion ini.

Jadual 2: Taburan Sikap Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran di Sekolah

Pernyataan	Min	S.P	Tahap
Keseluruhan	3.32	0.56	Sederhana

Jadual 3- Min dan Sisihan Piawai Sikap Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran di bilik darjah

Pernyataan	Min	s.p
Penyeliaan yang sistematik tidak membebankan saya.	3.65	1.15
Penyelia saya mahir melakukan proses penyeliaan.	3.72	1.03
Penyeliaan adalah berguna dalam proses pencapaian matlamat kurikulum seperti yang dirancang.	3.67	1.11
Penyeliaan tidak dapat membantu saya dalam membina keyakinan sewaktu pengajaran.	3.11	1.24
Cadangan yang diberikan berdasarkan penyeliaan pengajaran membantu meningkatkan mutu pengajaran.	3.80	0.95
Penyeliaan adalah perlu untuk memastikan objektif pengajaran saya tercapai.	3.70	1.05
Penyeliaan lebih kepada mencari kelemahan dan kesalahan guru.	2.71	1.13
Penyeliaan perlu dijalankan terhadap semua guru setiap tahun.	3.63	1.22
Penyeliaan penting untuk melihat kekuatan dan kelemahan pengajaran saya.	3.76	1.09
Penyeliaan sepatutnya hanya dijalankan ke atas guru yang kurang pengalaman atau bermasalah.	2.71	1.29
Guru yang baru mengajar perlu kerap diselia berbanding guru yang telah lama mengajar.	2.50	1.14
Saya tidak berpuas hati dengan penyeliaan yang telah dijalankan.	3.03	1.08
Penyelia mendorong saya mempelbagaikan kaedah pengajaran.	3.38	1.12
Penyelia berperanan sebagai pembimbing pengajaran saya yang berkesan.	3.50	1.04

Dengan adanya penyeliaan, saya memperolehi kaedah pengajaran yang baru daripada penyelia.	3.22	1.22
Penyelia dapat membantu saya menyelesaikan masalah berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang dihadapi.	3.29	1.27
Saya sangat memerlukan proses penyeliaan di dalam kelas untuk menilai keupayaan saya dalam proses pengajaran.	3.38	1.17
Penyeliaan tidak membantu saya memperolehi maklumat tambahan mengenai kandungan tajuk pelajaran yang diajar.	2.79	1.06
Penyeliaan dapat membantu saya komited dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di bilik darjah.	3.52	1.00
Penyeliaan dapat mewujudkan rasa kepuasan saya terhadap kerja yang dilaksanakan.	3.40	1.23

Analisis Perbezaan Sikap Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran Antara Jantina, Pengalaman Mengajar, Bidang Pengajaran dan Etnik

Jadual 4 menunjukkan hasil dapatan ujian t dan Anova sehalu untuk menentukan perbezaan antara sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran antara guru berlainan jantina, pengalaman mengajar, bidang pengajaran dan etnik. Hasil ujian t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran antara guru lelaki dan perempuan ($t = -2.178, p < 0.030$). Dari segi pengalaman mengajar pula, hasil ujian Anova sehalu menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara guru yang mengajar kurang daripada 20 tahun dan lebih daripada 20 tahun ($F=1.079, p = .367$). Hasil ujian Anova sehalu bagi bidang pengajaran menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara guru yang mengajar bidang masing-masing ($F = .244, p = .866$). Hasil ujian Anova sehalu bagi etnik pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan iaitu ($F=6.417, p = .000$) antara guru yang berbangsa Melayu dan guru berbangsa Cina. Secara umumnya, dapatan ini menunjukkan bahawa faktor jantina dan etnik memainkan peranan yang penting dalam menentukan sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan di dalam bilik darjah. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara responden lelaki dan perempuan terhadap penyeliaan pengajaran. Kedua-dua jantina iaitu responden lelaki dan responden perempuan mempunyai tanggapan yang sederhana positif kerana nilai min mereka menunjukkan bahawa responden lelaki ialah 3.20 dan responden perempuan adalah 3.37. Nilai skor min menunjukkan bahawa responden perempuan mempunyai sikap yang sederhana yang positif yang lebih tinggi terhadap penyeliaan pengajaran daripada responden lelaki. Keseluruhannya responden mempunyai tanggapan yang sederhana positif terhadap penyeliaan. Ianya menggambarkan bahawa kedua-dua jantina bukannya begitu bersetuju atau langsung tidak bersetuju dengan penyeliaan pengajaran.

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa guru-guru mempunyai tanggapan yang positif terhadap penyeliaan pengajaran di mana 162 orang guru iaitu (64.8%) daripada guru bersetuju bahawa penyeliaan dapat membantu mereka dan menimbulkan perasaan yang komited di dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam bilik darjah. Selain itu, 162 (64.8%) daripada guru-guru berasa bahawa penyeliaan adalah sangat penting dan perlu dijalankan untuk memastikan objektif pengajaran tercapai. Selain daripada itu, majoriti daripada responden 176 orang (70.4 %) menyatakan bahawa penyelia mereka mahir melakukan proses penyeliaan dan penyeliaan yang sistematik tidak membebankan mereka dan penyeliaan pengajaran dapat meningkatkan kualiti dan keadah pengajaran mereka.

Jadual 4 - Analisis Perbezaan Sikap Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran Antara Jantina, Pengalaman Mengajar, Bidang Pengajaran dan Etnik

Ujian t/Ujian Anova Sehalu	N	min	s.p	t/F	Sig-t/p
Jantina					
Lelaki	74	3.20	0.51	-2.178	.030
Perempuan	176	3.37	0.58		

Pengalaman Mengajar					
< 5 tahun	56	3.44	0.62	1.079	.367
5 hingga 10	65	3.34	0.56		
11 hingga 15	41	3.33	0.56		
16 hingga 20	41	3.25	0.47		
>21 tahun	47	3.24	0.58		
Bidang Pengajaran					
Sains & Matematik	75	3.29	0.64	.244	.866
Bahasa	74	3.32	0.55		
Sivik & Kemanusiaan	70	3.37	0.55		
Pendidikan Teknik & Vokasional	31	3.30	0.46		
Etnik					
Melayu	130	3.45	0.55	6.417	.000
Cina	78	3.12	0.52		
India	42	3.25	0.56		

Signifikan pada aras 0.05

Cadangan

Secara keseluruhan dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran adalah sederhana positif. Guru perempuan bersikap lebih positif berbanding guru lelaki. Guru berbangsa Melayu bersikap lebih positif terhadap penyeliaan pengajaran berbanding guru berbangsa Cina. Harus diwujudkan kesedaran kepada guru-guru lelaki terutamanya dan guru perempuan akan pentingnya penyeliaan pengajaran yang dijalankan dengan memberikan kursus yang lebih mendalam akan kepentingannya. Dalam meningkatkan sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran supaya lebih positif maka dicadangkan pihak sekolah, pejabat pelajaran daerah atau pejabat pelajaran negeri menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan penyeliaan pengajaran. Kursus-kursus ini dijangkakan akan dapat meningkatkan kefahaman lebih mendalam untuk guru-guru terutamanya kepentingan penyeliaan pengajaran yang dijalankan di dalam kelas.

Kajian ini mendapati bahawa sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran berada pada tahap yang sederhana positif, oleh itu, kajian ini boleh dilakukan kepada sampel yang lebih besar dan boleh juga dilakukan perbandingan di antara guru-guru sekolah menengah dan rendah; sekolah kerajaan dan sekolah swasta; pelajar-pelajar yang menghadiri sekolah harian dan sekolah berasrama penuh dan selanjutnya. Latihan yang diterima di peringkat universiti atau maktab perguruan mungkin tidak sama apabila seseorang guru berhadapan dengan situasi sebenar. Disamping itu juga dicadangkan pihak KPM, JPN dan PPD terutamanya pegawai melaksanakan pemantauan ke atas sekolah-sekolah dari semasa ke semasa. Dengan ini, sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran dapat dikenalpasti dan dibuat penambahbaikan. Selain itu, dicadangkan juga pihak KPM mengambil inisiatif dan tindakan sewajarnya dalam menyediakan satu jawatankuasa bagi pelaksanaan penyeliaan pengajaran di sekolah-sekolah. Ini bertujuan meringankan beban tugas pengetua atau guru besar yang terpaksa menguruskan penyeliaan pengajaran terhadap guru-guru. Dengan adanya jawatankuasa ini guru-guru dapat menumpukan perhatian yang lebih terhadap pengajaran dan pembelajaran untuk pencapaian pelajar secara berterusan.

Kajian yang dijalankan ini diharap tidak akan memberi tumpuan kepada guru-guru sahaja malahan kajian juga boleh dijalankan terhadap penyelia-penyelia yang menjalankan penyeliaan pengajaran. Selain itu, oleh kerana kajian ini cuma tertumpu atau mewakili Sekolah Menengah Kebangsaan Zon Bangsar sahaja maka kajian lain juga boleh dijalankan dengan lebih luas lagi dengan merangkumi zon-zon lain seperti Zon Pudu, Zon Keramat, Zon Sentul dan sebagainya. Perbandingan juga boleh dijalankan di antara zon-zon tersebut. Ianya adalah bertujuan untuk

memberikan gambaran yang luas mengenai sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran yang dijalankan terhadap guru-guru di Sekolah Menengah.

Kesimpulan

Dapatlah disimpulkan bahawa sikap guru terhadap penyeliaan pengajaran adalah sangat penting untuk melihat peningkatan di dalam pengajaran dan pembelajaran guru dan pelajar-pelajar. Guru mempunyai tanggungjawab yang sangat besar untuk meningkatkan sistem pendidikan ke arah antarabangsa. Ini adalah supaya pelajar-pelajar kita dapat berdaya saing dengan pembangunan dunia yang kini lebih berteknologi dan pendidikan yang berkesan bolehlah membawa kita ke arah tujuan yang sama.

Rujukan

- Abdul Shukor Abdullah. (1998). Pengurusan Penyeliaan Dalam Suasana Sekolah-Isu Dan Strategi. *Jurnal Kementerian Pendidikan*, 32 (7): 33-39.
- Alimuddin Mohd Dom. (2006). *Kepimpinan Instruksional : Peranan Pengetua Dan Guru Besar Dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Darjah. Putrajaya : Sektor Penaziran Kepimpinan Institusi Pendidikan.*
- Al Ramaiah. (1999). *Kepimpinan pendidikan: cabaran masa kini.* Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd. m.s.8.
- Alma Harris. (2003). Teacher leadership: A New Orthodoxy. In Davies, B & West Burnham J. (EDS) *Handbook of Leadership and Management* London: Pearson Publishing.
- Aminuddin Adam. (2005). Penyeliaan dan Penilaian. *Kertas kerja yang dibentang dalam Seminar Kepimpinan Instruksional Untuk Pengetua/Guru Besar*
- Boardman, W. Charles, Dougless R. Harl, dan Bent K. Rudyard. (1953). *Democratic Supervision In Secondary School.* Massachusetts: Houghton Mifflin Company.
- Chan Yuen Fook & Gurnam Kaur Sidhu. (2009). *Investigating Leadership Characteristics of an Excellent Principal in Malaysia.* *International Education Studies*, 4(2), 106 – 116.
- Fisher, K. (2001). 'Building Better Outcomes: The impact of school infrastructure on student outcomes and behaviour', Department of Education, Training and Youth Affairs: Australia.
- Glanz, J. (2007). On vulnerability and transformative leadership: An imperative for leaders of supervision. *International Journal of Leadership in Education* 10: 115_35.
- Hamdan Bin Said & Nurlia Binti Mohamad. (2011). Penyeliaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Sekolah-Sekolah Kebangsaan Di Daerah Kota Tinggi, Johor. *Journal. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.*
- Hashim Hamad. (2000). Peranan Pengetua Sebagai Penyelia dan Pemimpin di Sekolah. *Tesis Sarjana, UPM.*
- Mohd Hamsam Abd Latif. (2002). "The Effectiveness of Teaching Supervision Towards Living Skills Teachers at the Secondary in the Kluang District, Johor. *Universiti Teknologi Malaysia, Unpublished Final Year Project Report.*
- Mohd Ruzi Muhammad Shafie. (2001). *Persepsi Guru Terhadap Pencerapan Pengajaran di Lima Buah Sekolah Daerah Johor Bahru.* Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Nazaruddin Hj. Mohd. Jali. (1992). Penyeliaan Pendidikan: Kepimpinan Instruksi Guru Besar & Pengetua. *Jurnal Pendidikan.*
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2012). Kementerian Pelajaran Malaysia, September 2012.
- Ramaiah, A. L. (1999). *Penyeliaan Klinikal : Satu Pendekatan Terhadap Pengajaran-Pembelajaran di Sekolah.* *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.*
- Sharifah Md. Nor., & Azizah Abd. Rahman. (1989). *Penyeliaan Pengajaran Sebagai Satu Ciri Kepimpinan Profesional.* *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.* 33.20.39.
- Surat Pekeliling Ikhtisas. Bil: 3/ 1987. *Penyeliaan Pengajaran-Pembelajaran Di Dalam Kelas Oleh Pengetua/Guru Besar Sekolah.*
- Sergiovanni. Thomas. J., & Starratt. Robert. J. (2002). *Supervision: A Redefinition. 7th Edition.* New York: McGraw-Hill Companies, Inc.

- Sullivan, S., & Glanz, J. (2000). *Supervision that improves teaching: Strategies and techniques*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Subaidah Haleed. (2001). *Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru Terhadap Kesan penyeliaan Pengetua Ke Atas Peningkatan Kualiti Pengajaran Guru*. UTM, Skudai: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Tanner, D., & Tanner, L. (1987). *Supervision in Education: Problem and Practices*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Thobega, M., & Miller, G. (2007). Supervisory behaviors of cooperating agricultural education teachers. *Journal of Agricultural Education*, 48(1), 64-74.
- Wilson, K., & J. Charker, A., & Lizzio, K., & Halford, & S. Kimlin. (2005). Assessing how much people work at their relationships: The Behavioural Self-Regulation for Effective Relationships Scale, *Journal of Family Psychology* 19: 385_93.
- Yamina Bouchamma. (2006). *School Principals' Perceptions of Personal and Professional Efficacy With Regard To Teacher Supervision in New Brunswick*. EAF Journal 2006; 17,2; ProQuest Central. Pg.9.
- Zepeda, S. J. (2007). *Instructional Supervision: Applying Tools and Concepts*. Second edition. New York: Larchmont.